

Plat khas ikut nama negeri

SEREMBAN: Kementerian Pengangkutan bercadang menawarkan siri nombor pendaftaran kenderaan khas berdasarkan nama negeri-negeri. Menterinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, perkara itu akan dilaksanakan jika nombor pendaftaran istimewa 'Malaysia' yang dibuka untuk bidaan bermula hari ini mendapat sambutan baik daripada orang ramai. "Kita mulakan dengan 'Malaysia' terlebih dahulu dan kalau ia laris dan diterima ramai, kita akan lihat di peringkat negeri. Sebagai contoh plat kenderaan dengan nama negeri seperti Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang, Sabah, Selangor atau Perak. "Selepas itu kita pertimbangkan nombor persendirian khas, tetapi kita perlu tentukan mekanismenya," katanya dalam sidang akhbar selepas membuat bidaan nombor 'Malaysia 509' dengan harga RM1,509 di pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri di sini, hari ini. Yang turut hadir, Ketua Pengarah JPJ, Datuk Seri Shahrudin Khalid dan Pengarah JPJ negeri, Azrin Borhan.

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA | M/S: 2 | 2 OGOS 2018